

HOT FM 1 MALAYSIA KITA

[Peraduan ciptaan lagu]

Syarat-syarat & Peraturan

Penganjur, Penerbit dan Kelayakan

1. Peraduan ciptaan lagu HOT FM 1 MALAYSIA KITA [“Peraduan Lagu HOT FM”] ini dianjurkan dan diterbitkan oleh Synchronsound Studio Sdn Bhd [“HOT FM”] dan terbuka kepada semua rakyat Malaysia [“Peserta atau Peserta-peserta”].

Cara Mengambil Bahagian & Syarat-syarat Penyertaan

1. Dengan mengemukakan permohonan secara klik pada laman “sertai” di www.hotfm.com.my dan kemudian memuat naikkan lagu ciptaan Peserta [“Lagu Ciptaan Peserta”] dalam bentuk mp3 atau wav., setiap Peserta bersetuju untuk melepaskan, membebaskan dan tidak mempertanggungjawabkan HOT FM dalam apa-apa jua tuntutan dan ganti rugi yang timbul akibat penyertaan Lagu Ciptaan Peserta semasa proses permohonan atau dalam Peraduan Lagu HOT FM, dan HOT FM dibenarkan untuk menyiarkan Lagu Ciptaan Peserta dalam apa jua jenis bentuk media atas budi bicara mutlak HOT FM, samada untuk promosi atau sebaliknya, dalam mana-mana dan semua media yang kini diketahui atau dicipta selepas ini.
2. Penyertaan dibuka dari tarikh 22 Julai 2009 sehingga 2 Ogos 2009. Penyertaan yang diterima HOT FM selepas 2 Ogos 2009 tidak akan diambil kira.
3. HOT FM tidak bertanggungjawab terhadap kegagalan menerima mana-mana permohonan dan tidak akan melayan sebarang pertanyaan mengenai penerimaan atau status mana-mana permohonan.
4. Sepuluh (10) finalis akan disenarai pendek oleh HOT FM dan sesi undian di laman web HOT FM akan diadakan dari 12 hingga 26 Ogos 2009 bagi menentukan juara.

Terma dan Syarat

1. HOT FM mempunyai hak tunggal dan mutlak untuk menentukan jenis, kandungan dan penerbitan Peraduan Lagu HOT FM.
2. Senikata Lagu Ciptaan Peserta hendaklah ciptaan yang asal dan bebas dari saluran/ciplak/palagiat dan belum pernah dirakam, dicetak atau disiarkan untuk sebarang siaran
3. Sekiranya Peserta yang telah disenarai pendek tidak dapat dihubungi menerusi telefon selepas 3 percubaan, penyertaannya akan dibatalkan secara automatik, dan Peserta seterusnya yang tersenarai akan dipilih. Keputusan HOT FM untuk memilih Peserta seterusnya yang tersenarai adalah muktamad dan sah, dan sebarang surat-menyurat tidak akan dilayan.
4. Peserta bertanggungjawab untuk mengatur pengangkutan ulang-aliknya dan/atau penginapannya sendiri dan/atau menanggung sendiri perbelanjaan peribadi (termasuk tetapi tidak terhad kepada belanja makan minum) untuk menghadiri apa-apa acara berkaitan Peraduan Lagu SATU MALAYSIA KITA.
5. Apabila disenarai pendek, Peserta akan dikehendaki menandatangani dan mematuhi terma dan syarat bagi sebarang siaran atau dokumen atau kenyataan tambahan, yang kandungannya akan ditentukan oleh HOT FM. Sekiranya mana-mana Peserta yang disenarai pendek enggan menandatangani atau mematuhinya, penyertaannya akan dibatalkan secara automatik, dan HOT FM akan menyenarai pendek Peserta lain untuk mengambil tempat Peserta yang telah dibatalkan penyertaannya/hilang kelayakannya-
6. HOT FM mempunyai hak tunggal untuk melantik panel Hakim dan keputusan Hakim adalah muktamad dan sebarang surat-menyurat tidak akan dilayan.
7. Pemenang akan menerima hadiah dalam bentuk wang tunai bernilai RM25,000. Peserta bertanggungjawab sepenuhnya ke atas sebarang cukai yang boleh dikenakan ke atas hadiah yang dimenangi oleh Peserta.
8. Semua hadiah diberikan atas dasar “keadaan semasanya”. HOT FM berhak atas budi bicara mutlaknya untuk menggantikan mana-mana hadiah dengan hadiah lain yang sama nilai pada bila-bila masa tanpa sebarang notis. Semua hadiah melainkan wang tunai tidak boleh

dipindah milik dan tidak boleh ditukar dengan tunai, kredit atau barangan, secara sebahagiannya atau sepenuhnya. Peserta bertanggungjawab sepenuhnya ke atas sebarang cukai yang boleh dikenakan.

9. Peserta akan menerima dan memikul tanggungjawab sepenuhnya sekiranya berlaku sebarang kejadian tidak diingini, kecederaan, penyakit, kematian, tuntutan, kemalangan atau tuntutan ganti rugi ke atas diri mereka, pihak lain atau harta benda mereka, tidak kira apa sebabnya atau cara ia dialami, yang berhubung kait dengan penyertaan mereka dalam Peraduan Lagu HOT FM. HOT FM tidak akan bertanggungjawab kepada Peserta atau wakilnya yang sah di sisi undang-undang kerana sebarang perkara di atas.
10. Dengan menyertai Peraduan Lagu HOT FM, Peserta bersetuju untuk mematuhi Syarat-syarat & Peraturan ini dan keputusan HOT FM dalam sebarang dan semua hal berkaitan dengan Peraduan Lagu SATU MALAYSIA KITA termasuk tetapi tidak terhad kepada publisiti dan promosi Pesertanya.
11. Semua keputusan mengenai sebarang perkara berkaitan dengan Peraduan Lagu SATU MALAYSIA KITA adalah atas budi bicara tunggal dan mutlak HOT FM dan/atau panel Hakim yang dilantik dan adalah pada setiap masa muktamad dan semua Peserta terikat kepadanya. Ini termasuk tetapi tidak terhad kepada tafsiran Syarat-syarat & Peraturan, penyingkiran Peserta, kriteria kelayakan Peserta, pemilihan Peserta untuk uji bakat atau sebagai Finalis Separuh Akhir, tempat dan jadual uji bakat, jadual penerbitan rakaman dan penggambaran video. Sebarang rayuan dan/atau sebarang surat-menyurat mengenainya tidak akan dilayan.
12. Peserta mengakui bahawa sumbangannya kepada Peraduan Lagu SATU MALAYSIA KITA bukan satu persembahan profesional dan tidak melayakkannya menerima upah, gaji atau pampasan lain.
13. Semua peserta mesti mematuhi semua undang-undang yang berkuatkuasa di Malaysia dalam proses permohonan dan jika disenarai pendek, Peserta perlu mematuhi undang-undang Malaysia yang berkuatkuasa sepanjang tempoh Peraduan Lagu HOT FM ini.
14. Peserta mesti menandatangani kenyataan yang mengakui bahawa beliau telah membaca, memahami dan berjanji untuk mematuhi Syarat-syarat dan Peraturan ini.

HAK INTELEK LAGU CIPTAAN PESERTA

15. Peserta dengan ini memberi akujanji dan bersetuju bahawa Hak Intelek terhadap Lagu Ciptaan Peserta adalah seperti berikut :
 - (i) Peserta memberi kebenaran kepada HOT FM, supaya Lagu Ciptaan Peserta diletak dan/atau disalurkan melalui internet dan/atau di mana-mana laman web yang diarah oleh HOT FM dan kebenaran supaya Lagu Ciptaan Peserta juga digunakan untuk sebarang promosi dan/atau pengiklanan Lagu Ciptaan Peserta supaya pihak awam dapat menilai dan mengundi Lagu Ciptaan Peserta kesukaan mereka, tanpa syarat dan tanpa dikenakan sebarang bayaran atau fee kepada HOT FM. Kebenaran untuk mengguna pakai Lagu Ciptaan Peserta yang diberi oleh Peserta kepada HOT FM adalah bebas daripada sebarang jenis bayaran termasuk hak penyelarasan (synchronisation rights).
 - (ii) Hak persembahan awam (public performance rights) adalah hak milik Peserta dan adalah tertakluk kepada bayaran lesen yang dikeluarkan oleh Malaysian Author Copyright Protection ["MACP"] kepada media yang terlibat.
 - (iii) Lagu Ciptaan Peserta yang disenarai pendek akan dipamerkan di dalam laman web HOT FM sebagai bahan yang boleh dimuat turun. Semua hak penerbitan untuk Lagu Ciptaan Peserta yang dimuat turun akan dipegang oleh Peserta.
 - (iv) Peserta memberi kebenaran tanpa syarat dan tanpa dikenakan sebarang bayaran supaya Lagu Ciptaan Peserta digunakan untuk kempen mempromosi Peraduan Lagu HOT FM melalui semua media yang ditetapkan oleh HOT FM atas budi bicara mutlak HOT FM;
 - (v) Peserta memberi kebenaran supaya Lagu Ciptaan Peserta dimasukkan ke dalam album kompilasi melalui jua bentuk, yang mana Peserta mempunyai hak untuk menuntut royalty.
 - (vi) Lagu Ciptaan Peserta yang memenangi Peraduan Lagu HOT FM akan dikenali dan dinamakan sebagai lagu untuk 1Malaysia dan akan dimainkan untuk mempromosi konsep 1Malaysia dan kempen untuk pasaran dan/atau promosi konsep 1Malaysia, tanpa dikenakan sebarang syarat dan/atau bayaran, kecuali yang disebut dalam klausa 15 (ii) di atas.
 - (vii) Lagu ciptaan peserta boleh digunakan di masa-masa akan datang oleh HOT FM tertakluk

kepada satu perjanjian bertulis yang di peretujui oleh peserta dan HOT FM

16. HOT FM berhak untuk menggunakan Lagu Ciptaan Peserta dan/atau gambar Peserta sebagai bahan untuk tujuan pengiklanan dan publisiti dan Peserta tidak layak untuk membuat tuntutan pemilikan atau mendapat sebarang bentuk pampasan lain bagi bahan tersebut. Peserta juga mungkin perlu memberikan ulasan untuk siaran akhbar, menyertai sesi foto, membuat rakaman video, menghadiri temu ramah media, muncul dalam rancangan radio dan televisyen dan menghadiri pengumuman acara dan tidak berhak untuk menuntut hak pemilikan atau pampasan kerana menyertai acara publisiti sedemikian.

17. **SYARAT-SYARAT UNDIAN**

- (i).Sebarang keputusan adalah berdasarkan 100% undian rakyat Malaysia di laman web hot fm.
- (ii) seorang pengundi hanya boleh mengundi satu (1) kali sahaja. Undian lebih dari satu daripada pengundi tidak akan diambil kira.
- (iii)10 undian yang sama dengan keputusan akhir undian akan mendapat sebuah blackberry setiap seorang dan setiap undian adalah juga berdasarkan slogan yang dihantar.
- (iv) semua keputusan undian adalah muktamad dan semua Peserta terikat kepadanya

Peserta dengan ini mengakui bahawa :

- (i) Saya mengaku bahawa segala keterangan yang diberikan adalah benar dan lagu penyertaan ini adalah ciptaan asal yang bebas dari sebarang tuntutan oleh mana-mna pihak.;
- (ii) Saya telah membaca dan memahami, dan saya bersetuju untuk diikat oleh Terma & Syarat Peraduan Lagu HOT FM terbitan HOT Fm, sebagaimana yang terkandung di mukasurat 1-3;
- (iii) Segala keputusan oleh HOT FM berkenaan dengan Peraduan Lagu HOT FM; Terma & Syarat dan lain-lain hal berkaitannya, adalah muktamad dan tidak boleh dipertikai atau dibuat sebarang rayuan.

Saya telah menandatangani pelepasan ini pada _____ 2009

Tandatangan : _____

Nama : _____

No Kad Pengenalan : _____

Alamat tetap : _____

Alamat emel : _____